NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 16/ 3/ 2010

BH - 16/03/2010

Jami'ah Shukri
jamia@bharian.com.my

Masyarakat Malaysia sudah mula amalkan tabiat membaca

Pelbagai kempen nampakkan hasil apabila 38.8 juta kunjungi Perpustakaan Negara berbanding hanya 19.7 juta empat tahun lalu

MALAYSIA memerlukan lebih banyak ikon membaca sebagai personaliti utama bagi menggalakkan minat membaca dan menjadikannya amalan budaya serta gaya hidup seharian di kalangan masyarakat.

Kecenderungan melantik personaliti termasuk Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, sebagai Ikon Membaca Kebangsaan mampu menarik perhatian serta menanam kesedaran umum mengenai pentingnya membaca untuk menjadi seorang yang berjaya.

Walaupun sejak empat tahun kebelakangan ini menunjukkan ada peningkatan jumlah membaca buku daripada 12 buku setahun berbanding dua buku setahun sebelum ini, ia masih belum dapat memaparkan hakikat dan suasana keseluruhan tabiat terhadap budaya itu.

Dilihat secara rambang, orang ramai yang membaca di tempat awam termasuk dalam pengangkutan awam masih rendah berbanding di negara maju lain yang sudah sekian lama menjadikan amalan membaca sebagai aktiviti lazim tanpa mengira lokasi.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara (PNM), Datuk Raslin Abu Bakar, berkata pihaknya tidak pernah mengenal penat dan lelah untuk terus menanamkan kesedaran kepada rakyat mengenai tabiat membaca.

Katanya, usaha menerusi pelbagai kempen berterusan sebenarnya sudah menampakkan hasil apabila jumlah membaca jauh meningkat berbanding empat tahun lalu.

Ini dapat diukur dengan pertambahan kadar kunjungan orang ramai ke PNM, 38.8 juta pengunjung sepanjang 2008 membabitkan 2,429 perpustakaan di seluruh negara berbanding 21.1 juta orang (2007) dan 19.7 juta (2006).

Jumlah peminjam buku turut meningkat, 19.5 juta naskhah pada 2008 berbanding 12.6 juta (2007) dan 10.8 juta (2006). PNM sentiasa menambah koleksi buku dalam pelbagai subjek membabitkan kira-kira 20,000 buku setiap tahun. Ketika ini, 111,503,000 naskhah ada dalam koleksi dengan 31,309,000 judul .

"Peningkatan minat membaca juga dapat dilihat apabila orang ramai turut melayari laman web PNM iaitu kira-kira 2.1 juta orang sepanjang tahun lalu.

"Kita percaya, selain buku di perpustakaan, kita juga sudah menyediakan pelbagai bahan dalam bentuk talian yang hanya boleh dilayari menerusi laman web PNM," katanya yang memberi jaminan akan memperhebatkan aktiviti berkaitan untuk memberi impak lebih baik.

Sepanjang tahun lalu, kira-kira 8,000 program membaca dilaksanakan PNM dengan pembabitan penyertaan 1.7 juta orang.

Program Amalan Membaca berteraskan Gagasan 1Malaysia iaitu iaitu program yang akan memberi tumpuan ke arah penyatuan rakyat melalui pembabitan pelbagai kaum.

Program Segandingan Kita Membaca 1Malaysia siri pertama, Perkampungan Portugis Melaka; Siri Kedua, di Perkampungan Orang Asli, Pulau Carey, Selangor dan Siri Ketiga di Perkampungan India, Negeri Sembilan dan Siri Empat, di Tamparuli, Sabah.

Memperhebatkan Program Amalan Membaca Luar Bandar melalui aktiviti di jalan oleh 1,089 Perpustakaan Desa di seluruh negara bagi memastikan masyarakat luar bandar turut menerima limpahan pembangunan modal insan.

Kerjasama dan kesepakatan pintar dengan badan bukan kerajaan (NGO), agensi swasta dan kerajaan turut dijalin dalam menganjurkan program Amalan Membaca seperti kerjasama dengan Bank Rakyat, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan MK Land.

Pendekatan terkini ialah melantik Dr Sheikh Muszaphar sebagai Ikon Membaca Kebangsaan serta membolehkan menjadi model terbaik dalam menggalakkan amalan membaca.

PNM juga mengadakan program untuk golongan istimewa seperti orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak di klinik pediatrik. Kelab Membaca Sinar Pintar yang ditubuhkan sejak 2008, menjadi sebahagian strategi PNM untuk melahirkan lebih ramai generasi berilmu serta menerbitkan Dokumentari Travelog Kembara Buku, merangkumi penggambaran dalam dan luar negara bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap aktiviti membaca sebagai aktiviti membosankan.

Selain itu, PNM menjalankan promosi sepanjang tahun seperti mengedarkan risalah, iklan, liputan aktiviti kempen membaca dalam media massa dan elektronik bagi menyematkan amalan itu secara berterusan.

'Buku ilmiah, karya agung patut jadi pilihan utama'

KEMPEN Membaca yang dilancarkan kerajaan sejak bertahun lalu dicadangkan diubah kerana dianggap lapuk dan tidak relevan dengan keadaan semasa terutama dengan wujudnya komunikasi maya dengan capaian pelbagai maklumat yang begitu pantas menerusi internet.

Pada masa sama, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) perlu mewujudkan generasi pembaca yang lebih menekankan kelompok pembaca tegar dengan pemilihan bahan bacaan bersifat ilmiah.

Aliran tabiat membaca di negara ini sudah mencapai tahap membanggakan, dengan petanda semakin ramai mengunjungi kedai buku atau Pesta Buku Kebangsaan namun ia masih belum dapat mengukur sama ada mereka memilih buku ilmiah serta karya agung.

Khairusy Syakirin

Setiausaha Agung Komuniti Buku On-line, Khairusy Syakirin Hasyun Nazal, berkata pihaknya sudah menubuhkan komuniti berkenaan yang mengumpul pencipta serta pencinta buku termasuk penulis, penerbit dan individu yang kini dianggotai kira-kira 300 ahli bagi melaksanakan program gerakan membaca.

Katanya, pelbagai aktiviti dilakukan dalam komuniti itu mencakupi membimbing kaedah membaca lebih kreatif, forum dan seminar bagaimana memperkukuhkan budaya membaca, mewujudkan kumpulan pembaca serta bertukar bahan bacaan.

Kerjasama pelbagai agensi seperti Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi menganjurkan Seminar Pencinta Buku Malaysia ke-2 (SPBM2) bertemakan Pesona Pencipta Buku.

Khairusy Syakirin yang juga Pensyarah Ukur Bahan Kuliah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), berpendapat Kempen Membaca dan Gerakan Membaca dianggap tidak lagi relevan dalam tempoh lima tahun lagi, sebaliknya perlu diwujudkan golongan pembaca tegar yang bukan lagi membaca buku bersifat remeh atau picisan.

"Kita sepatutnya sudah ada mereka yang ketagih membaca buku yang ditulis penulis terkenal dan karya agung dan bukan lagi membaca novel atau majalah picisan," katanya yang membaca 80 buku setahun.

Kewujudan internet juga boleh dijadikan alternatif untuk mendapatkan bahan bacaan dan rujukan yang sangat luas melangkaui sempadan negara.

Buku mungkin agak terhad dan masih banyak subjek yang tidak dijual di Malaysia. Bagaimanapun, individu perlu bijak menggunakan teknologi moden ini dengan cara yang betul bagi mendapatkan maklumat serta meningkatkan ilmu dan bukan mendapatkan bahan tidak bermoral.

"Laman sosial seperti Facebook sebenarnya boleh digunakan sebaiknya untuk menambah kumpulan pembaca buku di merata dunia dan berbincang mengenai isi kandungan sesuatu buku, selain mendapatkan bahan lain.

"Memang kita dapat lihat orang ramai terutama remaja gemar melayari internet seperti Google, Facebook, Myspace dan sebagainya tetapi tidak pasti sejauh mana ia digunakan bagi tujuan menambah ilmu.

"Kewujudan laman sosial mampu memberi kesan positif dalam mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan ilmu kerana liputan amat luas dan menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, penganjuran majlis pelancaran buku oleh penerbit dan penulis juga dilihat sebagai usaha menaikkan taraf golongan terbabit selain ganjaran terhadap kemajuan industri buku tempatan.

MALIK ROSMAN TUAH | BERITA HARIAN

MEMBACA patut dijadikan budaya tak kira di mana saja, sama ada di tempat awam mahupun dalam pengangkutan awam.



> *Peningkatan minat membaca juga dapat dilihat apabila orang ramai turut melayari laman web PNM iaitu kira-kira 2.1 juta orang sepanjang tahun lalu. Kita percaya, selain buku di perpustakaan, kita juga sudah menyediakan pelbagai bahan dalam bentuk talian yang hanya boleh dilayari menerusi laman web PNM"*
>
> **Raslin Abu Bakar**
> Ketua Pengarah Perpustakaan Negara (PNM)

> *Laman sosial seperti Facebook sebenarnya boleh digunakan sebaiknya untuk menambah kumpulan pembaca buku di merata dunia dan berbincang mengenai isi kandungan sesuatu buku, selain mendapatkan bahan lain. Memang kita dapat lihat orang ramai terutama remaja gemar melayari internet seperti Google, Facebook, Myspace dan sebagainya tetapi tidak pasti sejauh mana ia digunakan bagi tujuan menambah ilmu. Kewujudan laman sosial mampu memberi kesan positif dalam mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan ilmu kerana liputan amat luas dan menyeluruh"*
>
> **Khairusy Syakirin Has-yun Nazal**
> Setiausaha Agung Komuniti Buku On-line



MOHD KAMIL OMAR | BERITA HARIAN

Dr Sheikh Muszaphar ikon galak budaya cintai ilmu

KESIBUKAN sebagai pakar ortopedik, motivasi dan ahli perniagaan tidak menghalang Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor meluangkan masa membaca pelbagai jenis buku bagi meningkat serta memperluaskan ilmu pengetahuan.

Beliau yang dilantik Ikon Membaca Kebangsaan Malaysia oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), secara purata membaca 60 buku setahun khususnya berkaitan motivasi, politik, sains dan teknologi.

Dalam kesibukan pelbagai tugas, beliau tetap memastikan membaca sekurang-kurangnya lima buku sebulan dan bercadang menambah bilangannya pada masa depan. Ternyata minat beliau membaca dipupuk sejak seawal usia oleh ibu bapanya yang mementingkan pendidikan anak.

Sheikh Muszaphar berkata, bapanya yang juga seorang yang kuat membaca, sudah membelikan buku ensiklopedia pelbagai subjek ketika beliau berusia lima tahun. Malah, minatnya menjadi angkasawan juga lahir selepas membaca banyak buku berkaitan bidang itu sejak berumur 10 tahun.

Dengan personalitinya itu, mendorong PNM melantik Sheikh Muszaphar sebagai Ikon Membaca untuk menyemai minat suka membaca di kalangan pelajar seluruh negara.

Berdasarkan penjelajahan selama lapan bulan sebagai ikon PNM, beliau sudah memberi motivasi dan ceramah mengenai pengalaman ke angkasa lepas bersama angkasawan Russia, pada 2007 lalu.

"Saya lihat minat pelajar begitu tinggi dalam bidang angkasawan. Mereka juga bertanya pelbagai soalan berkaitan. Pada masa sama, saya memberi motivasi menggalakkan mereka banyak membaca. Jika ingin menjadi angkasawan, mereka mesti mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian membabitkan 20 sekolah luar bandar yang dilawati, jurang membaca begitu ketara berbanding pelajar di bandar. Namun tabiat membaca pelajar luar bandar di Sabah dan Sarawak lebih tinggi dan mempunyai keupayaan berbahasa Inggeris lebih baik berbanding pelajar di Semenanjung.

"Saya akui ada pelajar lebih teruja berjumpa, mengambil gambar dan meminta tandatangan. Tetapi saya tetap yakin kehadiran saya tidak menenggelamkan misi PNM untuk menanamkan minat membaca kalangan mereka.

"Mulanya mereka minat hendak tengok, terpegun dan kemudian selepas mendengar ceramah, mereka akan lebih banyak bertanya soalan. Di sini akan diterapkan kepentingan membaca. Jika ingin menjadi pelajar cemerlang dan berjaya dalam kerjaya mesti rajin membaca," katanya

Malangnya, sistem pendidikan negara yang lebih berorientasikan peperiksaan menyebabkan pelajar hanya tertarik untuk membaca buku pendidikan yang berkaitan dengan pelajaran.

"Membaca mampu meningkatkan ilmu dan pengetahuan mengenai sesuatu subjek. Justeru kepelbagaian memilih bahan bacaan akan menambahkan luas ilmu mereka.

"Kunci kejayaan adalah dengan memiliki ilmu pengetahuan. Bagaimanapun, usaha PNM mengadakan program membaca dan menjelajah seluruh kampung juga mampu memberi impak berkesan terhadap peningkatan pembacaan kalangan masyarakat. Saya percaya Perpustakaan Desa membantu serta memberi banyak pilihan kepada penduduk untuk mendapatkan bahan bacaan.

"Cuma apa yang dikesali, jumlah buku yang ada di perpustakaan juga masih terhad dan tidak menyeluruh dari segi bahan," katanya.

Beliau berkata, bapanya membeli ensiklopedia mengenai sesuatu subjek seperti kenapa, mengapa dan menggalakkan semua lima adik beradiknya membaca. Pada usia itu, ayah mewajibkan mereka membaca sebuah buku dalam tempoh sebulan dan akan bertanya mengenai isi kandungan buku itu.

"Jika kami gagal memberi jawapan, ayah akan rotan kami. Walaupun, pendekatannya begitu tegas, tetapi ia memberi manfaat kepada kami sekali gus mampu memupuk sifat suka membaca.

"Sejak kecil ibu saya juga akan membacakan buku cerita sebelum kami masuk tidur. Ini adalah amalan baik menanamkan sifat membaca kalangan kami," katanya.

Apa yang penting, katanya, perlu ada usaha menanamkan sifat membaca dan kemudian suka membeli buku selain kempen serta program Nilam oleh kementerian dalam usaha melahirkan generasi membaca.